



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : prot@kpkt.gov.my

(9) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

15 November 2009

SIARAN MEDIA

20 BALAI BOMBA BARU DIBINA DI NEGERI SARAWAK

MUKAH, SARAWAK 15 Januari 2010, Sebanyak 20 Balai Bomba telah dibina di Negeri Sarawak membabitkan peruntukan sebanyak RM566,959,000.00, peningkatan sebanyak 47.5 peratus berbanding RM269,707,150.00 tahun 2009, kata Datuk Seri Panglima Haji Lajim Haji Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan selepas mengadakan lawatan kerja ke Balai bomba Mukah, Sarawak.

Katanya, Ini membuktikan bahawa kerajaan amat serius tentang keselamatan kebakaran, walaupun dalam keadaan ekonomi yang agak lembab pada ketika ini. Pembinaan Balai-Balai Bomba baru ini akan mempercepatkan '*respond time*' serta kebergantungan kepada balai bomba yang terletak jauh dari penempatan, atau lokasi kebakaran.

Jelasnya, dengan adanya balai-balai Bomba baru, tahap kesedaran orang ramai mengenai dengan keselamatan kebakaran, dapat ditingkatkan melalui kempen-kempen keselamatan kebakaran, dan ceramah-ceramah kebombaian serta penguatkuasaan undang-undang.

Lajim berkata, dalam keadaan ekonomi semasa, dan peruntukan dalam RMK-10 akan memfokuskan kepada pembiayaan projek-projek berkaitan NKRA Nasional, dan KRA RMK-10 di mana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diletakkan di bawah **KRA Teras 4** iaitu ‘ **Meningkatkan Tahap Dan Kemampanan Kualiti Hidup**’.

Tambahnya, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia hendaklah bersedia dengan hala tuju dan strategi-strategi baru, bagi menghadapi RMK-10 dengan mengetengahkan pendekatan baru, supaya taburannya dapat mempercepatkan ‘*respond time*’.

Beliau berkata, mengoptimumkan penggunaan modal insan dan peningkatan ilmu pengetahuan, patut menjadi sasaran dalam RMK-10.

“Saya menaruh keyakinan supaya pegawai Bomba boleh bersaing dengan arus perkembangan teknologi yang pantas, dan punca kebakaran yang datang dari pelbagai aktiviti industri moden”.

“Setiap program yang akan dijalankan hendaklah mempunyai sasaran tertentu, supaya diakhir RMK-10, ia dapat diukur pencapaiannya, seperti program kempen keselamatan kebakaran, latihan untuk kakitangan dan orang awam, penyiasatan kebakaran, penguatkuasaan undang-undang, penyelidikan kebombaan, keberkesanan operasi pemadaman kebakaran, penubuhan Pasukan Bomba sukarela dan sebagainya,” kata beliau.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke wanzainalshahrman@kpkt.gov.my